

D.R. 11/2004

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan 1971.

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan (Pindaan) 2004.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 4

2. Akta Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan 1971 [*Akta 42*], yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 4—

(a) dengan menggantikan perkataan "Maka" dengan perkataan "Tertakluk kepada seksyen 4A,";

- (b) dalam perenggan (c), dengan memasukkan selepas perkataan "bunga yang kena dibayar atasnya" perkataan "melainkan jika Menteri Kewangan membenarkan pembayaran apa-apa wang sedemikian kepada mana-mana orang menurut apa-apa perkiraan yang dibuat dengan orang itu yang di bawahnya apa-apa aset yang dibayar daripada wang Kumpulan Wang, atau apa-apa hak atau bunga yang diperoleh atau yang berbangkit daripada pemberian apa-apa pinjaman daripada wang Kumpulan Wang, telah dijual, dilupuskan atau dipindahkan kepada orang itu"; dan
- (c) dalam perenggan (e), dengan memasukkan selepas perkataan "Kumpulan Wang" perkataan "atau daripada atau menurut apa-apa perkiraan yang dibuat dengan mana-mana orang yang di bawahnya apa-apa aset yang dibayar daripada wang Kumpulan Wang, atau apa-apa hak atau bunga yang diperoleh atau yang berbangkit daripada pemberian apa-apa pinjaman daripada wang Kumpulan Wang, telah dijual, dilupuskan atau dipindahkan kepada orang itu".

Seksyen baru 4A

3. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 4 seksyen yang berikut:

"Menteri boleh membenarkan pembayaran

4A. Walau apa pun peruntukan seksyen 4 dan Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*], Menteri Kewangan boleh membenarkan—

- (a) pembayaran ke dalam Akaun Hasil Disatukan dalam Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan kesemua atau mana-mana bahagian daripada mana-mana wang Kumpulan Wang yang diterima daripada atau menurut apa-apa perkiraan yang dibuat dengan mana-mana orang yang di bawahnya apa-apa aset yang dibayar daripada wang Kumpulan Wang, atau apa-apa hak atau bunga yang diperoleh atau yang berbangkit daripada pemberian apa-apa pinjaman daripada wang Kumpulan Wang, telah dijual, dilupuskan atau dipindahkan kepada orang itu; dan

- (b) pembayaran kepada mana-mana orang apa-apa wang Kumpulan Wang menurut apa-apa perkiraan yang dibuat dengan orang itu yang di bawahnya apa-apa aset yang dibayar daripada wang Kumpulan Wang, atau apa-apa hak atau bunga yang diperoleh atau yang berbangkit daripada pemberian apa-apa pinjaman daripada wang Kumpulan Wang, telah dijual, dilupuskan atau dipindahkan kepada orang itu."

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan 1971 ("Akta 42").

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan bagi permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 4 Akta 42 untuk menjadikan seksyen itu tertakluk kepada seksyen baru 4A dan untuk meminda perenggan (c) seksyen itu untuk membolehkan Menteri Kewangan membenarkan pembayaran balik atau pembayaran yang kena dibayar berkenaan dengan pinjaman yang telah diberikan daripada wang Kumpulan Wang dibayar terus kepada mana-mana orang yang telah membeli apa-apa aset yang dibayar daripada wang Kumpulan Wang, atau apa-apa hak atau bunga yang diperoleh atau yang berbangkit daripada pemberian apa-apa pinjaman daripada wang Kumpulan Wang, di bawah apa-apa perkiraan yang memberinya hak ke atas pembayaran terus itu. *Fasal 2* juga bertujuan untuk meminda perenggan (e) seksyen 4 untuk mengadakan peruntukan bagi pembayaran ke dalam Kumpulan Wang apa-apa wang yang diterima daripada atau menurut apa-apa perkiraan yang dibuat dengan mana-mana orang yang di bawahnya apa-apa aset yang dibayar daripada wang Kumpulan Wang, atau apa-apa hak atau bunga yang diperoleh atau yang berbangkit daripada pemberian apa-apa pinjaman daripada wang Kumpulan Wang, telah dijual, dilupuskan atau dipindahkan kepada orang itu.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 4A ke dalam Akta 42 untuk memberi Menteri kuasa untuk membenarkan pembayaran ke dalam Akaun Hasil Disatukan dalam Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan apa-apa hasil daripada apa-apa jualan, pelupusan atau pemindahan apa-apa aset yang telah dibayar daripada wang Kumpulan Wang, atau apa-apa hak atau bunga yang diperoleh atau yang berbangkit daripada pemberian apa-apa pinjaman daripada wang Kumpulan Wang. Perenggan (b) seksyen itu bertujuan untuk mengadakan perkiraan pembayaran alternatif jika Menteri tidak menjalankan kuasanya di bawah perenggan 4(c) baru. Perenggan itu membenarkan pembayaran dibuat daripada wang Kumpulan Wang kepada mana-mana pembeli apa-apa aset yang telah dibayar daripada wang Kumpulan Wang, atau apa-apa hak atau bunga yang diperoleh atau yang berbangkit daripada pemberian apa-apa pinjaman daripada wang Kumpulan Wang.

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U²)2247]

A BILL

intituled

An Act to amend the Housing Loans Fund Act 1971

ENACTED by the Parliament of Malaysia as follows:

Short title and commencement

1. (1) This Act may be cited as the Housing Loans Fund (Amendment) Act 2004.

(2) This Act comes into operation on a date to be appointed by the Minister by notification in the *Gazette*.

Amendment of section 4

2. The Housing Loans Fund Act 1971 [*Act 42*], which is referred to as the "principal Act" in this Act, is amended in section 4—

- (a) by substituting for the word "There" the words "Subject to section 4A, there";
- (b) in paragraph (c), by inserting after the words "interests due thereon" the words "unless the Minister of Finance authorizes the payment of any such sums to any person pursuant to any arrangement entered into with such person under which any asset paid for out of the moneys of the Fund, or any right or interest derived or arising from the grant of any loans out of the moneys of the Fund, is sold, disposed of or transferred to such person"; and

- (c) in paragraph (e), by inserting after the word "Fund" the words "or from or pursuant to any arrangement entered into with any person under which any asset paid for out of the moneys of the Fund, or any right or interest derived or arising from the grant of any loans out of the moneys of the Fund, is sold, disposed of or transferred to such person".

New section 4A

3. The principal Act is amended by inserting after section 4 the following section:

"Minister may authorize payment

4A. Notwithstanding the provisions of section 4 and the Financial Procedure Act 1957 [Act 61], the Minister of Finance may authorize—

- (a) the payment into the Consolidated Revenue Account in the Federal Consolidated Fund of all or any part of any moneys of the Fund received from or pursuant to any arrangement entered into with any person under which any asset paid for out of the moneys of the Fund, or any right or interest derived or arising from the grant of any loans out of the moneys of the Fund, is sold, disposed of or transferred to such person; and
- (b) the payment to any person of any moneys of the Fund pursuant to any arrangement entered into with such person under which any asset paid for out of the moneys of the Fund, or any right or interest derived or arising from the grant of any loans out of the moneys of the Fund, is sold, disposed of or transferred to such person."

EXPLANATORY STATEMENT This Bill seeks to

amend the Housing Loans Fund Act 1971 ("Act 42").

2. *Clause 1* contains the short title and provisions on the commencement of the proposed Act.

3. *Clause 2* seeks to amend section 4 of Act 42 to make it subject to a new section 4A and to amend paragraph (c) of that section to enable the Minister of Finance to authorize repayments or payments due in respect of loans made out of the moneys of the Fund to be paid directly to any person who has purchased any asset paid for out of the moneys of the Fund, or any right or interest derived or arising from the grant of any loans out of the moneys of the Fund, under any arrangement which entitles him to such direct payment. *Clause 2* also seeks to amend paragraph (e) of section 4 to provide for the payment into the Fund of any money received from or pursuant to any arrangement entered into with any person under which any asset paid for out of the moneys of the Fund, or any right or interest derived or arising from the grant of any loan out of the moneys of the Fund, is sold, disposed of or transferred to such person.

4. *Clause 3* seeks to introduce a new section 4A into Act 42 to empower the Minister to authorize the payment of any proceeds of any sale, disposal or transfer of any asset paid for out of the moneys of the Fund, or any right or interest derived or arising from the grant of any loan out of the moneys of the Fund to be paid into the Consolidated Revenue Account in the Federal Consolidated Fund. Paragraph (b) of that section seeks to provide an alternative payment arrangement if the Minister does not exercise his powers under the new paragraph 4(c). It seeks to authorize payment from the moneys of the Fund to any purchaser of any asset paid for out of the moneys of the Fund, or any right or interest derived or arising from the grant of any loan out of the moneys of the Fund.

FINANCIAL IMPLICATIONS

This Bill will not involve the Government in any extra financial expenditure.

[PN(U²)2247]